



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN WARNA DAN BENTUK DALAM PSIKOLOGI MANUSIA DARI ASPEK TERAPI**

**SENI**

Oleh

**RAHIMAH BINTI OTHMAN**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

MALAYSIA

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2021**

## PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Rahimah

Tandatangan

Nama pelajar : RAHIMAH BT OTHMAN

No Matriks : C17A0312

Tarikh : 1 JULAI 2021

Disahkan oleh :

Tandatangan

Nama penyelia : Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D

Cop :

Tarikh :

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum, petama sekali syukur saya kehadiran illahi kerana memberkati saya sehingga saya dapat menyelesaikan tugas untuk menyempurnakan tesis ini. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua Ibu bapa saya yang sangat memahami waktu untuk saya belajar ketika saya berada dirumah tanpa ada masalah untuk mengakses internet dan sebagainya. Banyak kemudahan yang telah disediakan untuk saya supaya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Dari segi kewangan juga dibantu dengan seceukupnya kepada saya untuk menyiapkan segala tugas yang diberikan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada penyelia saya iaitu Dr. Yuhanis Bin Ibrahim kerana dengan penuh kesabaran beliau mendidik dan mencurahkan ilmu kepada saya. Selain itu, beliau telah banyak memberi dorongan dan bantuan kepada saya sepanjang menjadi pelajarinya serta sepanjang saya menyempurnakan tesis ini. Beliau juga banyak korbakan waktu cuti dan sentiasa menjawab persoalan dari saya tanpa mengira waktu. Sering mengingatkan tentang tugas. Beliau juga sangat mengambil berat akan pelajarinya mengenai tugas dan kesihatan sepanjang pandemik yang sedang kita lalui sekarang. Semoga ilmu yang dicurahkan oleh Dr. Yuhanis akan bermanfaat sepanjang masa kepada generasi generasi akan datang.

Tidak lupa juga kepada sahabat dan rakan seperjuangan yang sering bertukar pendapat dan juga memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan tugas ini. Selain itu sering berkongsi info dan penerangan sedikit sebanyak tentang tugas yang perlu diselesaikan. Terutama rakan sekelas yang banyak menerangkan serba sedikit

tentang cara penulisan dan sebagainya. Terima kasih atas tunjuk ajar yang telah diberikan kepada saya sepanjang menjalankan tugas.

### **Abstrak**

**Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Kelantan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Seni Halus) dengan Kepujian**

### **Kajian Warna dan Bentuk Dalam Psikologi Manusia Dari Aspek Terapi Seni**

**RAHIMAH BINTI OTHMAN**

**2020**

**Penyelia : Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D**

#### **Fakulti: Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

Kajian ini dijalankan kerana pengkaji ingin mengetahui bagaimana mentaliti manusia terhadap sesuatu warna dan bentuk. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan kajian tentang warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni untuk mengkaji sejauh mana warna dan bentuk dapat dijadikan terapi. Selain itu, Pengkaji juga mengkaji tentang abstrak ekspresionisme kerana aliran ini adalah salah satu aliran yang menghasilkan karya yang lebih kepada meluahkan perasan dengan warna dan teknik sapuan berus serta renjisan. Ianya sangat sesuai dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Kata kunci : Warna, Bentuk, Psikologi, dan Terapi seni

**Abstract**

**Thesis submitted to the Senate of Universiti Malaysia Kelantan to meet the requirements of the Bachelor of Creative Technology (Fine Arts) with Honors**

**A Study of Colors and Shapes in Human Psychology from the Aspect of Art Therapy**

**RAHIMAH BINTI OTHMAN**

**2020**

**Supervisor: Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D.**

**Faculty: Faculty of Creative Technology and Heritage**

This study was conducted because researchers want to know how the human mentality towards a certain color and shape. Therefore, researchers conduct research on color and shape in human psychology from the aspect of art therapy to study the extent to which color and shape can be used as therapy. In addition, the Researcher also studied the expressionist abstract because this flow is one of the streams that express attention with the color and technique of brush strokes and splashes. It is very appropriate to the title of the study conducted by the researcher.

Keywords: Color, Shape, Psychology, and Art Therapy

## Contents

SENARAI RAJAH .....	1
SENARAI JADUAL .....	2
BAB 1 PENGENALAN .....	3
1.1 PENDAHULUAN .....	3
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN .....	6
1.3 PENYATAAN MASALAH .....	8
1.4 PERSOALAN KAJIAN .....	10
1.5 OBJEKTIF KAJIAN .....	11
1.6 SKOP KAJIAN .....	12
1.7 HIPOTESIS .....	13
1.8 MANFAAT KAJIAN .....	14
BAB 2 KAJIAN LITERATUR .....	15
2.1 PENGENALAN .....	15
2.2 WARNA .....	15
2.3 BENTUK .....	16
2.4 PSIKOLOGI .....	17
2.5 TERAPI SENI .....	18
2.6 ABSTRAK EKSPRESIONISME .....	18
2.7 KARYA ABSTRAK EKSPRESIONISME .....	20
2.8 ARTIS RUJUKAN .....	23
BAB 3 .....	25
METODOLOGI .....	25
3.1 PENDAHULUAN .....	25
3.2 REKA BENTUK KAJIAN .....	25
3.2.1 Kuantitatif .....	26
3.2.2 Kualitatif .....	26
3.3 JENIS DATA .....	27
3.3.1 Data sekunder .....	27

3.4 INSTRUMEN KAJIAN .....	27
3.5 DIAGRAM PROSES KAJIAN.....	28
3.6 CARTA GANTT.....	29
BAB 4.....	31
HASIL KAJIAN.....	31
4.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN .....	31
4.1 PENGENALAN .....	31
4.2 ANALISIS SOAL SELIDIK RESPONDEN.....	31
4.2.1 Maklumat profil responden .....	32
4.2.2 Maklumat mengenai warna dan bentuk dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi setiap individu.....	34
4.2.3 Maklumat berkaitan penghasilan karya dapat dilakukan sebagai terapi seni.....	39
4.2.4 Emosi dan perwatakan manusia dapat dizahirkan melalui warna.....	44
4.2.5 Rumusan daripada soal selidik.....	49
4.3 Proses penghasilan karya.....	51
4.3.1 Campuran warna.....	51
4.3.2 Ton warna.....	52
4.3.3 Eksperimen warna.....	53
4.3.4 Material dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan karya.....	56
4.3.3 Teknik penghasilan karya.....	58
4.3.4 Langkah-langkah membancuh warna untuk menghasilkan karya.....	59
4.3.5 Gambar rajah dibawah menunjukkan karya akhir yang dihasilkan .....	62
BAB 5.....	64
KESIMPULAN .....	64
5.0 KESIMPULAN .....	64
5.1 PENGENALAN .....	64
5.2 RUMUSAN .....	65
5.3 CADANGAN .....	67
5.6 PENUTUP.....	67
RUJUKAN .....	69

**SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1 : Keratan akhbar yang diambil daripada Berita Harian (2020) antara masalah psikologi yang berlaku terhadap masyarakat dinegara kita Ms 8

Rajah 1.2 : Mark Rothko, Blue and Grey (1962). Ms 20

Rajah 1.3 : Willem de Kooning, Woman II (1952) Ms 21

Rajah 1.4 : Mark Rothko, Orange and Yellow (1956) Ms 22

Rajah 1.5 : Antara pengkarya tempatan abstrak expresionis Ms 23

Rajah 1.6 : Syed Ahmad Jamal – Jendela diangkasa – Akrilik – 190cmx279cm Ms 24

Rajah 4.3 : Campuran warna Ms 51

Rajah 4.4 : Ton warna Ms 52

Rajah 4.5 : Eksperimen warna Ms 53

Rajah 4.6 : Eksperimen warna Ms 53

Rajah 4.7 : Eksperimen warna Ms 53

Rajah 4.8 : Eksperimen warna Ms 54

Rajah 4.9: Eksperimen warna Ms 54

Rajah 4.10 : Eksperimen warna Ms 54

Rajah 4.11 : Eksperimen warna Ms 55

Rajah 4.12: Eksperimen warna Ms 55

Rajah 4.13 :Akrilik Ms 56

Rajah 4.14 : Kanvas Ms 56

Rajah 4.15 : Vanish/Pelaka Ms 57

Rajah 4.16 : Pengering rambut Ms 57

Rajah 4.17 : Masukkan akrilik ke dalam bekas Ms 59

Rajah 4.18 : Campurkan Vanish/Pelaka ke dalam akrilik Ms 59

Rajah 4.19 : Masukkan air kedalam campuran Vanish/ Pelaka dan akrilik Ms 60

Rajah 4.20 : Sebatikan ketiga – tiga bahan Ms 60

Rajah 4.21: Proses mencurahkanakrilik ke atas kanvas (Teknik pouring) Ms 61



Rajah 4.22 : Proses menolak akrilik dengan menggunakan pengering rambut/hair dryer (Teknik flut painting with hair dryer) Ms 61

Rajah 4.23 : Karya akhir Ms 62

### **SENARAI JADUAL**

Jadual 3.1 : Antara data skunder yang diperolehi oleh pengkaji Ms 26

Jadual 3.2 : Antara instrument yang digunakan untuk pengkaji mendapatkan data Ms 26

Jadual 3.3 : Carta gant Ms 29

Jadual 4.2 : Taburan responden mengikut umur Ms 32

Jadual 4.3 : Tabutran responden mengikut jantina Ms 33

Jadual 4.4 : Taburan responden mengikut status Ms 33

## **BAB 1 PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Tajuk kajian yang dipilih adalah “ Kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni”. Sebagai seorang pelajar Seni Halus, pengkaji terpanggil untuk mengkaji tajuk ini. Hal ini demikian kerana tajuk yang dipilih adalah berkait rapat dengan kursus yang diambil oleh pengkaji. Pemilihan tajuk ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana mentaliti manusia terhadap sesuatu warna dan bentuk. Bagaimana mereka menyesuaikan warna dan bentuk dalam kehidupan mereka. Kajian ini juga ingin mengkaji bagaimana warna dan bentuk dinilai dalam psikologi seseorang.

Stephen Pentak, Richard Roth (2004)

Warna adalah pantulan cahaya, dan bertindak balas oleh kualiti permukaan sesuatu benda dan persepsi kita sendiri. Selain itu, warna adalah perasaan atau pemikiran terhadap sumber untuk simbol dan metafora dan warna juga adalah asas kepada pengalaman manusia sendiri. (Paras-6 )

“Maksud bentuk pula adalah bentuk mempunyai struktur jisim dan isi padu. Ia mempunyai permukaan-permukaan rata yang digabungkan menjadi tiga dimensi (3D). Unsur-unsur seni juga boleh digunakan untuk mewujudkan sesuatu bentuk seperti jalinan, bentuk, ruang, rupa dan warna. Terdapat beberapa sifat yang boleh dilihat, contohnya, bentuk merupakan objek (3D), berstruktur, boleh dilihat dari semua arah dan terdapat bayangan. Bentuk juga terdapat banyak jenis antaranya adalah, bentuk konkrit. Ianya boleh dirasa, disentuh, berbentuk 3D, dan boleh dilihat daripada sisi, atas dan bawah. Selain itu, objek 3D juga adalah objek yang bersifat nyata. Sebagai contohnya, objek seperti meja, pinggan, lori dan sebagainya. Seterusnya, bentuk ilusi. Bentuk ilusi adalah bentuk yang menggunakan unsur seni untuk menghasilkannya. Unsur seperti,

garisan, warna dan lain-lain sehingga terhasilnya bentuk yang dikatakan sebagai bentuk ilusi itu. Bentuk ini adalah seperti fotografi, catan lukisan dan lain-lain yang bersifat dua dimensi.”

“Psikologi merupakan bidang akademik dan gunaan yang mengkaji tentang tingkah laku dan minda manusia. Penyelidikan dalam bidang psikologi bertujuan untuk memahami dan menerangkan tentang pemikiran, tindakan, perasaan manusia, dan sebagainya. Aplikasi dalam bidang psikologi merangkumi rawatan kesihatan mental, peningkatan prestasi, bantuan sendiri, ergonomik, dan pelbagai lagi bidang lain yang mempengaruhi kesihatan dan kehidupan seharian.” ( John Watson, 1919)

Kajian warna dan bentuk dalam psikologi ini adalah sangat wajar dikaji. Pengkaji mendapati bahawa dengan adanya warna dan bentuk dapat memberi kesan yang positif terhadap psikologi manusia. Hal ini demikian kerana, warna dan bentuk juga dijadikan sebagai terapi, atau lebih tepat adalah terapi seni. Terapi seni ini dikenali sebagai terapi kepada pesakit mental, atau tekanan serta kemurungan. Namun bagi manusia normal juga boleh menggunakan terapi seni ini sebagai cara untuk mendapatkan ketenangan diri.

Dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat mengetahui bagaimana terapi seni ini dapat mengurangkan masalah yang berkaitan dengan psikologi manusia. Dalam kajian ini pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Bagi penyelidikan kuantitatif pengkaji menjalankan kaedah kajian tinjauan dimana, kajian ini memerlukan maklumat daripada responden yang ramai. Oleh yang demikian pengkaji memilih kaedah ini dengan cara mengagihkan soal selidik kepada responden yang dipilih secara rawak. Kajian ini digunakan untuk mendapatkan persepsi menyeluruh daripada satu populasi berkenaan tajuk yang dikaji iaitu kajian warna dan bentuk dalam psikologi. Pengkaji memilih kaedah ini kerana yakin bahawa kaedah yang dijalankan ini bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Hal ini demikian kerana, dengan adanya soal selidik terhadap

segelintir masyarakat, pengkaji dapat mengumpul data tentang bagaimana kebanyakan masyarakat memahami atau beranggapan tentang sesuatu warna dan bentuk dalam psikologi mereka. Oleh yang demikian kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam menjalankan penyelidikannya. Manakala, dalam penyelidikan kualitatif pula, pengkaji memilih kaedah kajian sejarah. Kajian sejarah dijalankan dengan cara mengkaji dokumen yang berkaitan sebagai contoh, artikel, buku dan jurnal yang berkaitan dengan warna, bentuk serta psikologi. Kaedah ini, dapat menambahkan lagi pelbagai maklumat kepada pengkaji.

Dengan adanya kajian seperti ini pengetahuan yang baru akan berlaku dimana pengkaji dapat mempelajari hanya menggunakan warna dan bentuk ianya dapat menjelaskan sesuatu melalui psikologi manusia, hal ini kerana, dengan menggunakan warna dan bentuk ini manusia dapat menzahirkan perasaan mereka.

Tajuk yang dikaji ini sangat relevan dalam kehidupan harian manusia. Kerana dengan kajian ini ia sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan masalah yang dilalui oleh sesetengah masyarakat di negara kita.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dijalankan setelah pengkaji tertarik untuk mengetahui lebih mendalam tentang terapi seni yang digunakan oleh segelintir masyarakat. Oleh yang demikian, pengkaji mendapat idea dan mengambil keputusan untuk menjalankan kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni untuk mendapat banyak lagi maklumat berkaitan terapi seni dan dapat memahami dengan lebih mendalam.

Antara perkara yang ingin dicapai oleh pengkaji setelah menjalankan kajian ini adalah dapat meyakinkan bahawa setiap warna dan bentuk dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi setiap individu. Selain daripada itu, membuktikan bahawa terapi seni dapat dilakukan melalui penghasilan karya seni seperti catan, lukisan dan sebagainya dengan menggunakan warna-warna mengikut kehendak pengkarya. Akhir sekali, dapat mengenalpasti jenis-jenis warna yang sesuai dengan psikologi seseorang.

Berdasarkan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji telah memikirkan beberapa pendekatan atau kaedah yang sesuai untuk dijalankan bagi penyelidikan tersebut. Kaedah yang pengkaji pilih adalah menggunakan kedua-dua reka bentuk penyelidikan iaitu penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Untuk penyelidikan kuantitatif pengkaji menjalankan kaedah kajian tinjauan dimana, kajian ini memerlukan maklumat daripada responden yang ramai. Oleh yang demikian pengkaji memilih kaedah ini dengan cara mengagihkan soal selidik kepada responden yang dipilih secara rawak. Kajian ini digunakan untuk mendapatkan persepsi menyeluruh daripada satu populasi berkenaan tajuk yang dikaji iaitu kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni.

Manakala, dalam penyelidikan kualitatif pula, pengkaji memilih kaedah kajian sejarah. Kajian sejarah dijalankan dengan cara mengkaji dokumen yang berkaitan sebagai contoh, artikel, buku dan jurnal yang berkaitan dengan warna dan bentuk. Kaedah ini, dapat

menambahkan pelbagai maklumat kepada pengkaji. Dengan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut pengkaji berharap agar kajian yang dijalankan dapat diselesaikan dengan jayanya dan dapat memberi faedah dan bermanfaat kepada mereka yang memerlukan kemudahan mengetahui tentang warna dan bentuk dalam psikologi manusia.



### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni, seperti yang kita ketahui, terdapat pelbagai kes yang berkaitan psikologi pada masa kini, oleh yang demikian, pengkaji terpenggil dan berminat untuk mencari tahu tentang salah satu kaedah untuk menangani masalah tersebut iaitu kaedah terapi seni.



Rajah 1.1 : Antara masalah psikologi yang berlaku terhadap masyarakat di negara kita.

Berita Harian (2020)

Masalah yang berkaitan dengan psikologi manusia adalah sangat bahaya kerana, pesakit yang menghadapi penyakit berkaitan psikologi akan bertindak diluar jangkaan, seperti mencederakan individu lain, membunuh diri dan sebagainya. Oleh sebab itu, masalah ini perlu ditangani agar ia dapat diatasi atau dibendung agar masalah ini tidak terus meningkat bilangannya.

Dengan adanya kajian ini dapatlah pengkaji menjawab segala persoalan seperti, mengapakah warna dan bentuk dikatakan terapi seni dan sangat baik untuk psikologi manusia. Seterusnya, bagaimanakah seseorang itu ingin menjadikan terapi seni sebagai kaedah untuk mendapatkan ketenangan atau mengurangkan tekanan yang dihadapi. Selain itu, apakah yang penting dan perlu dititik beratkan untuk menggunakan terapi seni kepada individu tertentu.

Dengan adanya penyelidikan ini, pengkaji akan lebih memahami bagaimana terapi seni ini dijadikan sebagai terapi kepada mereka yang mempunyai masalah berkaitan psikologi. Pengkaji lebih menekankan dari aspek warna dan bentuk dalam kajian yang dijalankan. Bagaimana setiap individu mentafsir warna dan bentuk dalam kehidupan mereka. Apakah emosi yang akan dihasilkan jika setiap mereka melihat warna-warna yang ada disekeliling mereka.



#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian telah dikemukakan untuk menentukan objektif kajian yang ingin dicapai:

- a) Mengapakah warna dan bentuk dikatakan terapi seni dan sangat baik untuk psikologi manusia.
- b) Bagaimanakah seseorang itu ingin menjadikan terapi seni sebagai kaedah untuk mendapatkan ketenangan atau untuk mengurangkan tekanan.
- c) Apakah yang penting dan perlu dititik beratkan untuk menggunakan terapi seni kepada individu tertentu.

### 1.5OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif yang berikut :

- a) Meyakinkan bahawa setiap warna dan bentuk dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi setiap individu.
- b) Membuktikan bahawa terapi seni dapat dilakukan melalui penghasilan karya seperti catan, lukisan dan sebagainya dengan menggunakan warna-warna mengikut kehendak pengkarya.
- c) Memastikan bahawa emosi dan perwatakan manusia dapat dizahirkan melalui warna.

### **1.6SKOP KAJIAN**

Kajian yang dijalankan lebih menekankan tentang warna, bentuk, psikologi dan terapi seni. Pengkaji mengkaji bagaimana warna dan bentuk ini boleh dijadikan terapi seni, dan ingin menghasilkan karya catan dengan warna-warna dan bentuk yang dipilih. Selain itu, pengkaji juga mengkaji bagaimana perasaan atau rasa apabila melihat warna dan bentuk. Pengkaji turut mengkaji artis yang menghasilkan karya aliran abstrak ekspresionisme kerana pengkaji mengenakan warna dan bentuk sebagai subjek dalam penghasilan karya.



### 1.7HIPOTESIS

Beberapa hipotesis telah dibuat berdasarkan persoalan kajian yang telah dikenalpasti antaranya adalah :

- a) Penggunaan warna dan bentuk dapat dijadikan terapi seni terhadap psikologi manusia kerana dengan terapi seni dapat menghasilkan perasaan yang tenang, selain itu, ia juga dapat dijadikan sebagai kaedah untuk meluahkan perasaan.
- b) Terapi seni ini boleh mengurangkan tekanan kerana dengan adanya terapi ini kita dapat meluahkan perasaan dengan kaedah melukis dan menghasilkan karya seni lain.
- c) Dengan penggunaan warna dan bentuk, individu akan lebih mudah dan perlu dititik bertakan untuk meluahkan perasaan dengan memilih warna yang menggambarkan emosi atau perasaan yang ingin diluahkan.

### **1.8 MANFAAT KAJIAN**

Dengan adanya kajian tentang warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni ini dapat memberi kesedaran kepada kita bahawa warna sangat memainkan peranan dalam kehidupan manusia. Dengan adanya kajian ini kita akan dapat melihat bagaimana warna dan bentuk boleh dijadikan sebagai terapi seni kepada manusia. Setiap manusia akan mentafsir warna dan bentuk dengan berbeza pendapat, oleh sebab itu pemilihan warna dan bentuk adalah penting untuk kehidupan kita.

Selain itu, pengkaji juga ingin menghasilkan karya catan dimana akan menjadikan warna dan bentuk sebagai subjek untuk melihat sejauh mana karya yang dihasilkan tersebut mempengaruhi psikologi audiens yang melihatnya.

Seterusnya, seperti yang kita tahu terdapat pelbagai kes yang melibatkan psikologi yang sangat banyak memberi kesan negatif kepada manusia oleh yang demikian, dengan adanya kajian ini, sedikit sebanyak dapat membantu untuk menangani masalah tersebut dengan mempelajari bagaimana, terapi seni dapat mengatasi masalah yang berkaitan dengan psikologi manusia ini.

## **BAB2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Kajian literatur adalah kajian yang memberi kefahaman yang sama dengan tajuk kajian ini dan dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji bagi menjalankan kajian ini. Kajian literatur ini juga merupakan analisis terhadap kajian yang lepas yang berbentuk kritikan atau pendapat. Antara kepentingan kajian literature ini adalah, dapat memberi sokongan kepada kajain yang dijalankan oleh pengkaji. Seterusnya, adalah untuk menjadikan rujukan atau penelitian tentang kajian dan sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk lebih mudah menjayakan kajian yang dilakukan. Pengkaji juga membuat rujukan tentang warna, bentuk, psikologi dan terapi seni. Kajian literature ini juga menguatkan lagi tujuan untuk pengkaji menghasilkan karya dalam aliran abstrak ekspresionisme.

#### **2.2WARNA**

Stephen Pentak, Richard Roth (2004)

Warna adalah pantulan cahaya, dan bertindak balas oleh kualiti permukaan sesuatu benda dan persepsi kita sendiri. Selain itu, warna adalah perasaan atau pemikiran terhadap sumber untuk simbol dan metafora dan warna juga adalah asas kepada pengalaman manusia sendiri. (Paras-6 )

Selain itu, warna sangat terkenal dalam dunia psikologi warna sebagai ubat kepada penyakit psikologi, ianya dikenali sebagai Chromotherapi. Ianya juga sangat bagus untuk emosi, dan mental, oleh yang demikian warna adalah sangat penting dan memberi kesan positif kepada manusia. Ndre (2014)

Seterusnya, "Warna dapat menciptakan keselarasan dalam hidup. Dengan warna kita boleh menciptakan suasana nyaman dan damai. Dengan warna juga dapat

menciptakan kebengisan dan kekacauan.” Menurut, Darwis Triadi. Warna dan karakter seseorang sangat berkait rapat, Warna juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia, warna juga turut berkait dengan spektrum dimana spektrum merupakan gelombang yang boleh dikesan oleh pancaindera manusia, warna juga dipercayai mempengaruhi tindakan seseorang dan setiap warna mempunyai maksudnya yang tersendiri. Fariz Sakina (2018).

Warna adalah aspek visual yang mudah memberi tindak balas yang cepat dan mudah ditangkap oleh manusia, berbanding dengan aspek visual yang lain. Visual lain masih dapat memberi tindak balas atau respon kepada manusia namun warna lebih memberi kesan yang baik. Oleh sebab itu warna boleh dikatakan sebagai pengaruh besar dalam kehidupan manusia. Endy Nahya Ardini (2017)

Konklusinya, warna dalam kehidupan kita adalah sangat penting, warna juga berkait rapat dengan psikologi manusia dimana, dengan warna setiap individu boleh menggambarkan emosinya kepada orang lain.

### **2.3 BENTUK**

Bentuk adalah penghasilan daripada gabungan titik dan garis,terdapat juga pendapat bahawa bentuk merupakan satu petanda visual,(Danesi, 2004). Setiap tanda mempunyai maksudnya tersendiri, tanda yang diperkatakan itu adalah bentuk. Sebagaimana yang sudah dinyatakan, bentuk adalah petanda visual. Bentuk mempunyai pelbagai kepentingan dalam kehidupan manusia. Danesi (2004)

Ada pendapat lain mengatakan perkataan geometri adalah berasal daripada Bahasa Greek yang terdiri daripada dua perkataan iaitu geo dan perkataan metron. Perkataan geo adalah membawa maksud bumi manakala metron pula membawa maksud

pengukuran. Perkataan geometri pada asalnya diambil daripada Bahasa Greek yang bermaksud “geo” untuk bumi dan “metron” untuk pengukuran. Nurisya Mohd Shah, (2007)

Geometri merupakan termasuk dalam pembelajaran matematik pada asasnya, cabang matematik yang menekankan kepada pemahaman tentang bentuk, saiz, kedudukan relatif sesuatu benda dan pencirian sesuatu ruang. Nurisya Mohd Shah (2007)

Kemahiran pembezaan bentuk dan kefahaman tentang ciri-ciri bentuk akan lebih mudah untuk difahami sekiranya pendedahan seawal umur. Dengan cara seperti ini manusia lebih mudah untuk mentafsir perbezaan maksud bagi setiap bentuk. Bentuk geometri dikaji kerana bentuk ini dirasakan ilmu yang sempurna, dan banyak perkara yang belum dirungkai serta indah. Sifat daripada bentuk-bentuk inilah yang merangsang akal kepada setiap manusia untuk terus mengkaji ilmu berkaitan bentuk geometri. Norhuda Bokhari (2011)

## **2.4 PSIKOLOGI**

Perkataan psikologi pada awalnya berasal daripada perkataan Greek iaitu, Psyche yang membawa maksud bermaksud mental, jiwa dan rohani. manakala perkataan logos(logi) adalah kajian. Oleh sebab itu, psikologi boleh dikatakan sebagai sebagai kajian mental, jiwa dan rohani. Mr Panadol (2018)

Menurut A Ahmadi (2019) Ilmu psikologi didefinisikan sebagai ilmu mengenai tingkah laku individu, selain itu, mempelajari tentang jiwa dan lebih tepat sekali, mengkaji tingkah laku serta perbuatan individu tertentu.

Psikologi adalah berkaitan dengan persoalan tentang perasaan, keperibadian, emosi, dan perilaku dan sebagainya. dimensi lain termasuk mental juga merujuk kepada psikologi. Psikologi terdapat dalam diri manusia sebagai individu. Hasan Mustafa (2011)



Selain itu, bagi pendapat lain, psikologi adalah sains kehidupan mental dimana ia amat serius dengan kepentingan unsur subjektif. Unsur ini tidak dapat dijangkau oleh deria manusia. William James (1890)

Manakala bagi pendapat John Watson (1919) psikologi merupakan sesuatu yang objektif. Oleh yang demikian, dengan psikologi kita dapat mengkaji tingkah laku bagi setiap manusia.

## **2.5 TERAPI SENI**

Terapi seni merupakan kaedah yang digunakan sebagai penyembuhan dengan mengeluarkan emosi dengan menggambarkan penderitaan atau perasaan-perasaan tertentu. Terapi seni inilah yang menggambarkan emosi yang sedang dilalui dan difikirkan oleh individu tersebut. M Andreas (2020)

Terapi seni adalah kaedah yang kreatif bagi penyembuhan dan perkembangan diri. Kaedah ini merupakan cara psikoterapi yang menghubungkan seni dan ahli terapi professional. untuk membantu orang yang trauma, murung, mental. Selain itu, juga ingin membantu seseorang untuk mencari perkembangan diri. Terapi ini juga dapat mengesan simptom tekanan serta meningkatkan kesedaran terhadap individu. American Therapy Art (2002)

Terapi seni dapat membantu untuk individu berkomunikasi, ia bukan sekadar bermatlamat menghasilkan lukisan yang menarik dan cantik sahaja. Lynette (1998)

## **2.6 ABSTRAK EKSPRESIONISME**

Abstrak Ekspresionisme mempunyai pelbagai gaya mengikut pengkarya yang menghasilkannya dari segi ekspresi dan teknik yang digunakan. Terdapat beberapa ciri karya abstrak ekspresionisme, antaranya adalah penggunaan pengabstrakan. Dimana,

bentuk yang tidak realistik atau bentuk tidak dapat dilihat iaitu bukan sesuatu yang objektif. Didalam karya abstrak ekspresionisme ini juga sangat menekankan tentang emosi, secara spontan dan peribadi. Bagi penggunaan teknik dalam penghasilan karya aliran abstrak ekspresionis ini adalah teknik bebas, agar dapat mencapai tujuannya sendiri. Selain itu, penggunaan cat yang pelbagai juga akan diberi tekanan hal ini kerana, untuk membangkitkan kualiti dari segi ekspresif. Permulaan bagi gerakan abstrak ekspresionis ini adalah pada tahun 1940-an dan awal 50an di mana ianya dianggap dimulakan dengan karya yang dihasilkan oleh Jackson Pollock dan Willem de Kooning. Perasaan pengkarya dapat diungkapkan secara langsung melalui abstrak ekspresionis dimana menghasilkan karya seni untuk mencapai transformasi itu. Selain itu, terdapat juga beberapa jenis ciri gaya seni yang digunakan, merenjis, mencalit, melemparkan cat dan meneteskan cat ke atas kanvas. Ada sesetengah pengkarya juga memasukkan unsur penulisan dalam karya yang dihasilkan. Terdapat pendekatan lain iaitu daripada Rothko, Beliau akan menggunakan kawasan yang luas, dengan warna yang nipis supaya mendapat kesan yang tenang. Terdapat segelintir pengkarya yang amat mengangkat aliran abstrak ekspresionisme ini. Mereka merupakan pengkarya yang banyak persamaan. Hal ini demikian kerana, setiap karya yang dihasilkan adalah lahir daripada emosi. Terdapat pendekatan lain iaitu daripada Rothko, beliau akan menggunakan kawasan yang luas, dengan warna yang nipis supaya mendapat kesan yang tenang. (The Art Story)

Tiga kecenderungan dalam karya abstrak ekspresionis adalah , *Color Field Painting* dibawa oleh artis seperti, Mark Rothko, Helen Frankenteler manakala *Action Painting* dirangkumi oleh Jackson Pollock, Willem de Kooning, dan yang terakhir adalah kombinasi keduanya sekali antara penggiat yang berusaha untuk menggabungkan kedua-dua kecenderungan tersebut adalah Adolph Gottlieb, Robert Motherwell, dan Clyford Still. Secara umum gerakan abstrak ekspresionis ini tiba pada hujung tahun 1940. Ciri utama


gaya ini adalah penerapan cat yang tidak konvensional dengan penggunaan warna cemerlang seperti mencalit, menitiskan dan melemparkan cat ke kanvas. Terdapat juga penggunaan isyarat penulisan dalam karya. Greelane (2019)

## 2.7 KARYA ABSTRAK EKSPRESIONISME



Rajah 1.2 : Mark Rothko, Blue and Grey (1962)


Dalam karya Blue and Grey 1962, Mark Rothko ingin mengekspresikan emosi. Dimana karya beliau Melalui permainan warna ini, ia bertujuan untuk menggalakkan metafizik audiens. karya yang dihasilkan oleh beliau adalah hanya untuk menyatakan emosi utama manusia terhadap tragedy, azab dan sebagainya. Blue and Grey ini telah pun merialisasikan hasrat Rothko agar dilihat pada jarak yang dekat.



Rajah1.3 : Willem de Kooning , Woman II (1952)

Pengkarya menggunakan menghasilkan gambar yang berwarna dan berstruktur dengan sapuan yang kuat dan ekspresif. Karya abstrak ekspresionis juga menggambarkan bentuk yang tidak realistik. Penekanan terhadap emosi, spontan, dan menggunakan teknik bebas dalam penghasilan karya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 1.4 : Mark Rothko: Orange and Yellow (1956)

Karya Mark Rothko , Orange and Yellow ini dihasilkan pada ruang yang luas, dengan warna yang sekata, rata dan nipis. Kesan daripada karya tersebut adalah untuk mencapai kesan yang tenang dan halus. Pendekatan ekspresif ketiga dan paling tidak emosional adalah pendekatan Rothko, Newman, dan Reinhardt. Pelukis ini menggunakan kawasan yang luas, atau bidang, dengan warna rata dan cat di sapu nipis untuk mencapai kesan tenang, halus, dan hampir bertafakur. Pelukis medan warna yang luar biasa adalah Rothko, yang kebanyakan karya terdiri daripada kombinasi besar-besaran dari kawasan segi empat tepat berwarna lembut yang cenderung berkilauan dan bergema.

## 2.8 ARTIS RUJUKAN

Artis abstrak ekspresionisme yang terdapat di Malaysia yang kita ketahui adalah, Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Sharifah Fatimah Syed Zubirdan Joseph Tan. Gaya karya ini telah menapak di tanah air sejak 1960an. Karya aliran ini sudah pun mendominasi pelukis besar di negara Malaysia. Malahan aliran ini juga sudah tidak asing dalam dunia seni visual. Berita Harian (2020)



Rajah 1.5 : Antara pengkarya tempatan abstrak ekspresionisme

Pengkaji telah pun memilih Syed Ahmad Jamal sebagai artis rujukan, beliau dilahirkan pada 19 September 1929, di Bandar Maharani, Johor. beliau mendapat pendidikan di Sekolah Tambatan rendah (1936-1938), Sekolah Tambatan Tinggi (1939), Ngee Heng English School (1940), Bukit Zahrah English School dan English Collage, Johor Bahru sehingga tahun 1949. selain itu, beliau juga telah melanjutkan pelajar di Birmingham School of Architecture (1950) sebelum mengikuti pendidikan di Chelsea School of Art, London (1951-1955) dalam bidang pelajaran seni.





Rajah 1.6 : Syed Ahmad Jamal-Jendela di Angkasa (1969) – Akrilik - 190x279cm

“Jendela di Angkasa” merupakan karya aliran abstrak empresionisme karya Syed Ahmad Jamal. beliau melebihkan penggunaan warna panas iaitu merah, jingga dan kuning. Karya ini merupakan karya yang menggambarkan tentang peristiwa pahit dimana pada tahun sebelumnya, diparis keadaan tak terkawal disebabkan terdapat kes sekumpulan pelajar memberontak. Oleh yang demikian, penggunaan warna yang digunakan oleh pengkarya membawa maksudnya tersendiri. Bagi penggunaan warna merah, pengkarya ingin menggambarkan bahawa peristiwa ini merupakan peristiwa yang menyebabkan pertumpahan darah dan kekejaman.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Setiap kajian yang dijalankan hendaklah dirancang untuk mengenalpasti kaedah untuk mengumpul data dan kaedah untuk menganalisis data supaya objektif kajian dapat dicapai. Pemilihan kaedah mengumpul dan menganalisis data mestilah dipilih mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Untuk menguatkan metodologi kajian ini, beberapa kajian harus dilaksanakan untuk membentuk satu struktur.

#### **3.2 REKA BENTUK KAJIAN**

Metodologi adalah rangka kajian untuk mencapai objektif kajian yang dijalankan. Dengan adanya metodologi kajian akan menjadi lebih berstruktur dan tersusun. Dalam metodologi kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kuantitatif dan kualitatif.



### 3.2.1 Kuantitatif

Bagi kajian kuantitatif pengkaji memilih untuk menjalankan kajian melalui kaedah tinjauan. Dengan cara mengagihkan soal selidik dengan kaedah *google form* kepada responden yang dipilih secara rawak. Kajian ini digunakan untuk mendapatkan persepsi menyeluruh daripada satu populasi berkenaan tajuk yang dikaji iaitu kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni. Pengkaji merasakan bahawa kaedah yang dijalankan ini amat bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Hal ini demikian kerana, dengan adanya soal selidik terhadap segelintir masyarakat, pengkaji dapat mengumpul data tentang bagaimana kebanyakan masyarakat memahami atau beranggapan tentang sesuatu warna dan bentuk dalam psikologi mereka. Oleh yang demikian, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam menjalankan penyelidikannya.

### 3.2.2 Kualitatif

Manakala, dalam penyelidikan kualitatif pula, pengkaji memilih kaedah kajian sejarah. Kajian sejarah dijalankan dengan cara mengkaji dokumen yang berkaitan sebagai contoh, artikel, buku dan jurnal yang berkaitan dengan warna dan bentuk dalam psikologi manusia. Kaedah ini, dapat menambahkan lagi pelbagai maklumat kepada pengkaji. Bagi kaedah yang kedua yang dipilih oleh pengkaji, pengkaji merasakan kaedah ini bersesuaian dengan tajuk yang dijalankan kerana, terdapat pelbagai pandangan daripada penulis-penulis buku, jurnal dan artikel berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Oleh yang demikian, dengan menjalankan kaedah ini pengkaji akan memperolehi pelbagai maklumat untuk menyelesaikan kajian penyelidikannya. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui pelbagai persepsi atau pandangan terhadap warna dan bentuk dalam psikologi seseorang.

### 3.3 JENIS DATA

Pengkaji dapat mengumpul segala maklumat untuk mengkaji kajian ini melalui data sekunder, data sekunder merupakan data yang sedia ada dan dijadikan rujukan. Antaranya seperti artikel jurnal dan sebagainya.

#### 3.3.1 Data sekunder

Bentuk data	Lokasi	Teknik mendapatkan data
Data dokumen bertulis (artikel/jurnal)	Laman sesawang	Catatan
Data dokumen bertulis (keratan akhbar)	Laman sesawang	Salinan/Catatan

Jadual 3.2 : Antara data sekunder yang diperolehi oleh pengkaji

### 3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Pencarian data yang dicari oleh pengkaji menggunakan beberapa instrument, antaranya adalah:

Data yang diperolehi	Instrumen yang digunakan
Dokumen bertulis(artikel, jurnal dan keratan akhbar)	Komputer riba, Buku catatan
Gambar/ hasil karya	Komputer riba

Jadual 3.2 : Antara instrumen yang digunakan untuk pengkaji mendapatkan data

### 3.5 DIAGRAM PROSES KAJIAN




Diagram 3.1 : Proses Kajian Yang digunakan

### 3.6 CARTA GANTT

Tahun	Semester 7 2020/2021													
Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Cadangan Penyelidikan														
Perbincangan untuk pemilihan tajuk														
Mengenal pasti kajian kes														
Melakukan penyelidikan berkaitan tajuk														
Penulisan Thesis														
<b>Bab 1</b>														
<b>Pengenalan pernyataan masalah</b>														
<b>Pengesahan Objektif</b>														
<b>Manfaat kajian</b>														
<b>Penulisan Thesis</b>														
<b>Bab 2</b>														
<b>Kajian Pustaka</b>														
<b>Perbandingan kajian</b>														
<b>Penulisan Thesis</b>														
<b>Bab 3</b>														



## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN**

#### **4.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

##### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini merumuskan tentang dapatan data yang diperolehi daripada instrument kajian iaitu soal selidik. Keputusan kajian ini dianalisis dalam tiga bahagian seperti berikut :

Bahagian 1 : Warna dan bentuk dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi setiap individu.

Bahagian 2 : Terapi seni dapat dilakukan melalui penghasilan karya seperti catan dan lukisan dengan menggunakan warna mengikut kehendak pengkarya.

Bahagian 3 : Emosi dan perwatakan manusia dapat dizahirkan melalui warna.

##### **4.2 ANALISIS SOAL SELIDIK RESPONDEN**

Analisis ini adalah bertujuan untuk huraian analisis soal selidik responden akan lebih fokus dan jelas. Analisa ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu mengenai kesan terhadap warna dan bentuk dalam psikologi manusia, selain itu, adakah terapi seni dapat dilakukan dengan cara penghasilan karya seperti catan, dan adakah warna dapat menzahirkan perwatakan seseorang. Tulisan ini akan merungkai bagaimana pandangan segelintir populasi terhadap warna dan bentuk dalam psikologi dari aspek terapi seni.

#### 4.2.1 Maklumat profil responden

- i. Umur
- ii. Jantina
- iii. Status

UMUR	KEKERAPAN	PERATUS (%)
13 - 20	28	58.3%
21 - 40	13	27.1%
41- 50	7	14.6%
JUMLAH	48	100%

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Umur

Seramai 48 orang responden telah menjawab soal selidik yang dibuat melalui 'Google form'. mengikut daripada taburan mengikut umur, seramai 28 orang responden yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 20. Manakala umur dalam lingkungan 21 hingga 40 pula adalah seramai 13 orang dan 7 orang dalam lingkungan 41-50 orang. Yang rata-ratanya yang bekerja, sur rumah dan pelajar.

JANTINA	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Lelaki	19	39.6%
Perempuan	29	60.4%
JUMLAH	48	100%

Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 4.3 pula menunjukkan tentang taburan responden mengikut jantina. Seramai 19 orang daripada responden lelaki yang membawa peratusan sebanyak 39.6% dan seramai 29 orang responden dalam kalangan perempuan peratusannya adalah sebanyak 60.4%. jumlah majoriti responden yang menjawab soal selidik ini adalah dalam kalangan perempuan.

STATUS	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Bekerja	13	27.1%
Suri rumah	6	12.5%
Pelajar	29	60.4%
JUMLAH	48	100%

Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Status

Bagi taburan responden mengikut status, sebanyak 27.1% adalah daripada orang yang bekerja, manakala suri rumah sebanyak 12.5% bersamaan dengan 6 orang manakala bilangan yang paling ramai adalah dalam kalangan pelajar



seramai 29 orang bersamaan dengan 60.4%. Soal selidik yang diedarkan lebih dimonopoli oleh kalangan pelajar.

**4.2.2 Maklumat mengenai warna dan bentuk dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi setiap individu.**

Dengan adanya rumusan mengenai kenyataan ini, sedikit sebanyak dapat meyakinkan bahawa setiap warna dan bentuk dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi setiap individu. berikut merupakan hasil soal selidik berkaitan dapat menimbulkan rasa atau kesan kepada psikologi kepada setiap individu yang telah dijalankan pengkaji.



Carta 4.2 : Adakah anda merasa cemas ketika berada didalam bilik berwarna kuning


Sebanyak 10.60% responden yang menyatakan ya bagi kenyataan cemas ketika berada didalam bilik atau ruangan yang berwarna kuning. Namun, sebanyak 89.40% daripada responden yang memilih tidak dengan

kenyataan yang diberikahn. seperti yang sedia maklum warna kuning merupakan warna yang dikaitkan dengan emosi yang bahagia, ceria, bijak dan kuat. Oleh yang demikian dapat kita lihat bahawa majoriti daripada responden yang memilih tidak kepada kenyataan yang mengatakan berada didalam bilik atau ruang berwarna kuning akan merasa cemas.



Carta 4.3 : Adakah warna biru dapat menjadikan anda merasa tenang dan santai.

Kesemua responden bersetuju dengan kenyataan yang diberi, dimana mereka bersetuju dengan warna biru dapat menjadikan anda kita merasa tenang dan santai. Sedikit penerangan tentang warna biru, warna biru merupakan warna yang dapat melambatkan metabolisme manusia, dan dapat menghasilkan perasaan yang tenang dan damai. Oleh yang demikian seramai 48 orang responden bersamaan dengan 100% telah bersetuju dengan kenyataan yang diberikan.



Carta Pai 4.4 : Jingga merupakan warna panas, adakah warna jingga dikategorikan sebagai warna yang ceria

Berdasarkan carta pai yang dipamerkan, sebanyak 54.20% responden yang bersetuju dengan kenyataan warna jingga dikategorikan sebagai warna yang ceria. Manakala sebanyak 45.80% bersamaan dengan 22 orang yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Warna jingga adalah warna yang kurang agresif berbanding warna merah. Warna jingga juga merupakan warna yang terang dengan keriangannya kekuningannya.



Carta Pai 4.5 : Pada pendapat anda, warna ungu dan hijau dapat memberi perasaan yang tenang dan ceria

Warna ungu adalah warna sekunder dimana terhasil apabila merah dicampurkan dengan biru. Warna ungu dapat memberi keupayaan dalam membantu untuk mengurangkan tekanan. selain itu, dapat mengurangkan kebimbangan terhadap masalah yang terkumpul. Warna ini juga dapat memberi keseimbangan terhadap emosi manusia. Ungu lembut dapat memberi kesan tidur yang lena terhadap orang yang terdedah kepadanya sebelum tidur. Manakala warna hijau pula sering dikaitkan dengan alam semula jadi dan sering dikatakan sebagai warna yang segar dan tenang. warna hijau juga dikatakan tenang dan baik untuk kesihatan. Oleh yang demikian dapat kita lihat bahawa sebanyak 81.30% daripada responden bersetuju dengankenyataan diatas dan hanya 18.80% sahaja yang tidak bersetuju.




Carta Pai 4.6 : Pada pendapat anda, adakah warna merah boleh dijadikan sebagai tanda bahaya

Seramai 38 orang menyatakan ya kepada warna merah boleh dijadikan sebagai tanda bahaya. Manakala hanya sepuluh orang sahaja yang mengatakan tidak. seperti yang sedia maklum, warna merah membawa maksud kepada warna yang berani, garang dan agresif. Oleh yang demikian, warna merah dapat memberi kesan yang dapat memberi kita merasa takut dan sebagainya. oleh sebab itu ramai dalam kalangan responden bersetuju jika merah dijadikan sebagai amaran atau tanda merbahaya.

#### 4.2.3 Maklumat berkaitan penghasilan karya dapat dilakukan sebagai terapi seni.


Maklumat dalam bahagian ini ingin membuktikan bahawa terapi seni dapat dilakukan melalui penghasilan karya seperti catan, lukisan dan sebagainya dengan menggunakan warna-warna mengikut kehendak pengkarya.



Carta Pai 4.7 : Terapi seni muzik dapat menzahirkan emosi dan perwatakan manusia.

Berdasarkan keputusan yang diperolehi berkaitan dengan kenyataan ini kebanyakan daripada responden memilih untuk tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sebanyak 64.60% yang tidak bersetuju dan sebanyak 35.40% yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi pendapat pengkaji, terapi seni muzik hanya dapat memberi ketenangan kepada manusia. namun terapi muzik ini tidak dapat menzahirkan emosi atau perwatakan serta perasaan individu. Bagi terapi seni dalam penghasilan karya dapat menzahirkan perasaan serta perasaan dalam karya yang dihasilkan.

**Adakah dengan penghasilan karya lebih memberi kesan yang positif kepada individu yang mempunyai masalah psikologi**




Carta Pai 4.8 : Adakah dengan penghasilan karya lebih memberi kesan yang positif kepada individu yang mempunyai masalah psikologi

Seramai 38 orang responden bersamaan dengan 78.70% yang memilih untuk menjawab ya manakala seramai 10 orang yang memilih tidak bersamaan dengan 21.30%. dengan penghasilan karya individu dapat meluahkan perasaan mereka kepada karya yang dihasilkan. oleh yang demikian mereka sekali gus dapat merawat masalah tekanan setelah meluahkan perasaan atau tekanan yang dihadapi. Oleh yang demikian ramai yang bersetuju dengan kenyataan tersebut.



Carta Pai 4.9 : Karya yang banyak menggunakan warna lebih membantu dalam masalah psikologi

Setiap warna dapat memberi maksud dan kesan yang tersendiri kepada setiap individu oleh yang demikian penggunaan warna sangat membantu dalam masalah psikologi untuk dijadikan sebagai terapi. Selain itu, warna juga dapat merungkai perwatakan seseorang dari aspek psikologinya. Ianya dapat juga merungkai sikap serta perasaan seseorang itu. Sebanyak 87.20% responden yang bersetuju dengan kenyataan ini. dan selebihnya iaitu 12.80% tidak bersetuju dengan kenyataan diatas.








Carta Pai 4.10 : Terapi seni muzik hanya dapat menenangkan pesakit bukan menggambarkan perasaan mereka

Bagi kenyataan lebih daripada separuh daripada responden iaitu 79.20% daripada 100% telah bersetuju bahawa muzik hanyalah dapat menenangkan individu yang menggunakannya dan bukan dapat menggambarkan perasaan bagi mereka yang mempunyai masalah psikologi seperti terapi seni dengan penghasilan karya. Hanya 20.80% sahaja yang bersetuju daripada keseluruhannya dan 79.20% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut daripada 100%.



Carta Pai 4.11 : Karya catan sesuai untuk dihasilkan dalam kajian ini

Dalam hasil dapatan daripada soal selidik bagi kenyataan ini, keputusan yang diperolehi mendapati hampir sama, hal ini berkemungkinan terdapat beberapa responden yang kurang memahami tentang karya catan namun hasil yang diperolehi dapat dirumuskan bahawa, karya catan sesuai untuk dihasilkan dalam kajian ini seramai 52.10% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut dan hanya 47.90% sahaja yang tidak bersetuju. Oleh yang demikian, dengan penghasilan karya catan individu juga dapat menjadikan ia sebagai terapi terhadap diri mereka sendiri.

#### 4.2.4 Emosi dan perwatakan manusia dapat dizahirkan melalui warna.

Pada bahagian ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa emosi perwatakan manusia dapat dizahirkan melalui warna. Hal ini demikian kerana warna dapat memberi tindak balas atau kesan kepada emosi seseorang.



Carta Pai 4.12 : Pada pendapat anda, terapi seni merupakan kaedah yang berkesan untuk masalah psikologi

Selain daripada perubatan terapi juga memainkan peranan penting, walaupun kaedah ini merupakan kaedah yang halus, namun masalah atau perasaan yang membebankan seseorang dapat diluahkan melalui terapi seni. berdasarkan soal selidik yang dijalankan seramai 40 orang responden yang bersetuju dengan kenyataan ini dan hanya lapan orang sahaja yang tidak bersetuju. oleh yang demikian jelas terbukti kaedah ini sangat baik digunakan untuk merawat individu yang mempunyai masalah psikologi ini.



Carta 4.13 : Menghasilkan karya dengan penggunaan warna dapat memberi gambaran terhadap perasaan seseorang


68.80% responden bersetuju dengan kenyataan diatas. Hal ini demikian kerana setiap warna dapat memberikan gambaran serta maksudnya tersendiri. Penggunaan warna dapat menzahirkan perasaan seseorang yang menggunakannya. Oleh yang demikian, bagi orang yang memahami tentang setiap warna pasti akan dapat membaca atau mengetahui perasaan pengkarya yang menghasilkan karya dengan penggunaan warna yang digunakan. Hanya 31.30% sahaja tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.



Carta 4.14 : Adakah anda bersetuju jika warna dijadikan sebagai terapi terhadap psikologi manusia

Majoriti daripada responden bersetuju jika warna dijadikan terapi seni terhadap psikologi manusia, iaitu sebanyak 70.80% bersetuju dan hanya 29.20% daripada responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini dapat membuktikan bahawa warna sangat boleh diguna pakai dalam merawat atau memberi terapi kepada manusia dengan kepentingan serta kaitan warna dalam kehidupan harian manusia.

**Terapi seni terbahagi kepada banyak bahagian seperti muzik, karya dan sebagainya. Adakah anda setuju bahawa seni karya seperti catan dan lukisan lebih berkesan berbanding yang lainnya.**



Carta Pai 4.15 : Terapi seni terbahagi kepada banyak bahagian seperti muzik, karya dan sebagainya. Adakah anda setuju bahawa seni karya seperti catan dan lukisan lebih berkesan berbanding yang lainnya

Berdasarkan soalan yang lepas juga sudah terbukti bahawa lukisan atau karya lebih berkesan kerana, dengan penghasilan karya bukan sahaja dapat memberi ketenangan malah dengan penghasilan karya juga dapat meluahkan segala perasaan yang terpendam dalam diri seseorang. Oleh sebab itu, ramai dalam kalangan responden bersetuju dengan kenyataan itu. seramai 56.30% yang bersetuju dan 43.80% tidak bersetuju.



Carta Pai 4. 16 : Adakah masalah psikologi ini masalah yang serius dan perlu ditangani

Masalah psikologi merupakan masalah yang tinggi didalam negara kita dan juga di luar negara. Masalah ini sangat perlu dititik beratkan kerana, masalah seperti ini dapat membahayakan masyarakat bukan sahaja pesakit namun orang lain juga boleh menjadi mangsa kepada mereka yang mempunyai masalah ini. oleh yang demikian, masalah ini sangat perlu ditangani dengan baik. Sebanyak 95.80% bersetuju sudah menjedikan bukti bahawa kenyataan ini sangat benar.

MALAYSIA

KELANTAN

#### 4.2.5 Rumusan daripada soal selidik

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa dalam kalangan manusia mempunyai psikologi mereka sendiri mengenai warna sama ada dari aspek perasaan tanggapan, emosi dan sebagainya. Mengikut pemerhatian pengkaji warna sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana dalam kehidupan harian adalah sangat diperlukan. Selain daripada menjadi rawatan ini warna juga dijadikan isyarat dan sebagainya.

Selain itu, ramai daripada kalangan responden yang bersetuju dengan kenyataan tentang psikologi ini masalah yang serius dan perlu ditangani. Seperti yang kita sedia maklum bahawa masalah psikologi kini semakin serius didalam mahupun luar negara. masalah ini sangat bahaya kepada semua termasuk orang yang tidak mengalami masalah seperti ini. Sebagai salah satu cara untuk menangani masalah ini adalah dengan cara terapi.

Oleh yang demikian, pengkaji terdetik dan tertarik untuk mengkaji antara kaitan warna dengan masalah psikologi dan ternyata selepas kajian yang dijalankan pengkaji mendapati bahawa warna sangat sesuai untuk dijadikan terapi kepada masalah psikologi. Seterusnya bagi soalan bahawa karya catan sesuai untuk dihasilkan berkaitan dengan kajian ini juga mendapat persetujuan lebih daripada responden.



Selain itu, warna dapat dijadikan terapi juga lebih daripada separuh yang memilih untuk menjawab ya. Oleh yang demikian, terbukti bahawa warna dapat dijadikan terapi kepada masalah psikologi. Seterusnya, penghasilan karya juga dapat menjadi terapi dengan cara meluahkan perasaan didalam karya yang dihasilkan. Oleh sebab itu, pengkaji memilih untuk menghasilkan karya catan dengan menggunakan warna warna yang dipilih sebagai karya untuk kajian yang dijalankan ini.

### 4.3 Proses penghasilan karya

#### 4.3.1 Campuran warna

Campuran ini dihasilkan dengan menggunakan warna primer untuk mendapatkan warna skunder. dan menggunakan warna primer serta skunder untuk mendapatkan warna tertier. Rajah di bawah menunjukkan beberapa warna yang telah dicampur oleh pengkaji sebelum menghasilkan karya. Campuran ini bertujuan untuk mencari dan mendapatkan beberapa warna yang ingin digunakan oleh pengkaji untuk digunakan dalam karya yang dihasilkan.



Rajah 4.3 : Campuran warna

### 4.3.2 Ton warna


Rajah di bawah menunjukkan ton warna yang dihasilkan oleh pengkaji dengan menggunakan warna primer dan skunder. Ton warna bertujuan untuk mengkaji bagaimana sesuatu warna berubah menjadi lebih cerah.




Rajah 4.4 : Ton Warna

### 4.3.3 Eksperimen warna


Rajah dibawah menunjuk eksperimen warna keatas lakaran yang dihasilkan oleh pengkaji.




Rajah 4.5




Rajah 4.6




Rajah 4.7



Rajah 4.8




Rajah 4.9




Rajah 4.10





Rajah 4.11



Rajah 4.12

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.3.4 Material dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan karya

Rajah peralatan dan material dibawah merupakan peralatan yang digunakan oleh pengkaji bagi menghasilkan karya akhirnya.



Rajah 4.13

##### **Akrilik**

Digunakan sebagai media warna.

Memilih beberapa warna.

Mencampur warna untuk menghasilkan warna skunder dan tertier.



Rajah 4.14

##### **Kanvas**

Kanvas media yang digunakan sebagai permukaan rata untuk menghasilkan karya.

Menggunakan 6 keping kanvas.

Masing-masingnya bersaiz 20cmx20cm.



Rajah 4.15

### **Pelaka / 'Vanish'**

Berfungsi sebagai pelindung daripada cahaya, untuk mengekalkan warna dalam jangka masa yang lama. Untuk mencantikkan atau mengilatkan.

### **Air**

Untuk membancuh akrilik

### **Gelas Plastik**

Bekas untuk membancuh warna



Rajah 4.16

### **Pengering rambut**

Berfungsi untuk membantu menolak warna untuk menghasilkan corak kepada karya.

Digunakan pada teknik 'Hair dryer'



### 4.3.3 Teknik penghasilan karya

Terdapat pelbagai teknik yang boleh digunakan untuk menghasilkan karya abstrak ini. Namun pengkaji memilih untuk menggunakan dua teknik dibawah untuk menghasilkan karya akhir, pengkarya menggunakan dua teknik dalam karya yang dihasilkan. Teknik yang digunakan adalah seperti teknik dibawah :

#### a) 'Pouring'/ Mencurah

- Teknik ini adalah teknik mencurah warna keatas kanvas. pengkaji menggunakan kaedah ini dengan mencurah warna secara berselang seli dengan warna yang berbeza. Setelah itu, menggerakkan kanvas supaya warna dapat dipenuhi dan untuk mendapatkan corak daripada aliran akrilik yang dituang. Corak yang terhasil daripada teknik ini agak kasar dan besar.

#### b) 'Fluid painting with Hair Dryer'/ Pengering rambut

- Teknik ini sama seperti teknik 'Pouring'. Namun untuk mendapatkan corak serta pengaliran akrilik tersebut, pengkarya menggunakan pengering rambut sebagai alat yang menolak warna dan menghasilkan corak pada permukaan kanvas yang dicurahkan akrilik keatasnya. corak yang terhasil daripada teknik ini lebih halus dan kecil.

#### 4.3.4 Langkah-langkah membancuh warna untuk menghasilkan karya

Gambar rajahi dibawah menunjukkan langkah bagi menghasilkan karya. Bermula dari langkah pertama sehingga yang terakhir.



Rajah 4.17 : Memasukkan akrilik ke dalam bekas



Rajah 4.18 : Mencampurkan vanish/ pelakar kedalam akrilik yang telah dimasukkan ke dalam bekas



Rajah 4.19 : Tuangkan sedikit air kedalam campuran pelakar dan akrilik



Rajah 4.20 : Mencampurkan ketiga-tiga bahan sehingga sebati



Rajah 4.21 : Proses mencurahkan akrilik yang dicampurkan dengan pelakar serta air keatas kanvas (Teknik pouring)



Rajah 4.22 : Proses menolak warna dengan menggunakan pengering rambut. (Teknik Flut painting with hair dryer)

4.3.5 Gambar rajah dibawah menunjukkan karya akhir yang dihasilkan



Rajah 4.23 : Karya yang siap dihasilkan

NAMA PENKARYA : RAHIMAH BT OTHMAN

TAJUK KARYA : 'LIFE'

MEDIA : AKRILIK, KANVAS, PELAKA/ VANISH

SAIZ : 40CM X 60CM



## PENERANGAN KARYA

Karya ini dihasilkan selepas menjalankan kajian yang bertajuk 'Kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni. Dalam kajian yang dijalankan warna dan bentuk ini merupakan satu terapi bagi masalah psikologi. Warna yang dipilih untuk dijadikan karya merupakan antara warna yang dapat memberi kesan yang berkait dengan emosi serta perasaan seseorang.

Tajuk kajian ini adalah 'Life'. 'Life' yang bermaksud kehidupan, dalam kehidupan manusia sudah pasti banyak peristiwa yang berlaku yang mampu diterjemahkan melalui warna bagi setiap peristiwa tersebut. Selain itu, warna juga adalah sangat penting dalam kehidupan manusia kerana tanpa adanya warna maka kehidupan seseorang seperti tiada jalan ceritanya. Boleh dikatakan sebagai kehidupan yang membosankan dan tidak bermakna. Makna bagi setiap warna yang ada didalam karya tersebut adalah seperti yang dinyatakan. Warna biru dapat melambatkan metabolisme manusia, menghasilkan ketenangan dan damai. Selain itu, kuning yang dikaitkan dengan emosi bahagia, ceria, bijak dan kuat. Merah pula seperti yang sedia maklum merupakan warna yang gagah, berani dan memberi perasaan yang menakutkan kepada segelintir individu. Manakala warna ungu pula merupakan warna yang nampak eliegan dan mewah dan menjadikan ramai dalam kalangan yang melihat ini menjadi tenang. Hijau pula merupakan warna yang semulajadi dan dapat melahirkan perasaan tenang kepada sesiapa sahaja yang melihatnya. yang terakgir adalah warna jingga, warna jingga merupakan warna yang kurang agresif berbanding warna merah namun warna jingga dapat menghasilkan perasaan yang ceria kepada sesetengah audien.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 KESIMPULAN

#### 5.1 PENGENALAN

Bahagian ini merupakan bahagian dimana merumuskan keseluruhan kajian yang telah dijalankan pengkaji iaitu berkaitan kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni. Keseluruhan hasil kajian akan dirumuskan dalam bab ini. Cadangan juga akan dikemukakan dalam bab ini. Bahagian ini juga akan membincangkan tentang tajuk yang dijalankan iaitu adakah warna dapat menjadi salah satu terapi seni kepada masalah psikologi yang kini kian menjadi isu dalam kehidupan manusia.

Dengan adanya kesimpulan daripada kajian yang dijalankan, pengkaji dapat memberikan kefahaman secara ringkas kepada pembaca tentang kajian yang telah dijalankan. Keseluruhan daripada kajian ini akan dirumuskan dalam bab lima ini.

## 5.2 RUMUSAN

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menangani masalah psikologi dengan kaedah terapi seni. Oleh yang demikian pengkaji telah memilih untuk mengkaji tentang warna dan bentuk dan penghasilan karya sebagai terapi bagi masalah psikologi. Sepanjang kajian dijalankan pengkaji telah menggunakan kaedah kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. antara kaedah yang telah digunakan adalah dengan kajian sejarah, pembacaan dan soal selidik. Berdasarkan kajian yang dijalankan. pengkaji mendapati bahawa warna dapat menjadi terapi kepada masalah psikologi. Selain itu, dengan penghasilan karya yang menggunakan warna lebih dapat membantu dalam menangani masalah ini.

Seterusnya, setelah menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati dan memperolehi keputusan bahawa penggunaan warna dapat menjadikan terapi kepada masalah psikologi. dari sumber bacaan yang telah dikaji juga pengkaji mendapati bahawa warna mempunyai maksud serta peranan terhadap emosi, dan psikologi manusia. Oleh yang demikian pengkaji dapat merumuskan bahawa warna dapat dijadikan dan sangat sesuai untuk dijadikan terapi seni.

Dalam pada itu, pengkaji juga mendapati bahawa penghasilan karya juga dapat dijadikan terapi. hali ini demikian kerana, dengan penghasilan karya pengkarya dapat meluahkan perasaan atau memberi gambaran tentang emosi dan perasaan yang sedang dialaminya. dengan cara tersebut, pengkarya dapat menzahirkan perasaan kepada karya yang dihasilkan selain daripada menerima pendapat atau rawatan dari pihak lain.


Manakala bagi bentuk, pengkaji yakin dengan Bentuk geometri dikaji kerana bentuk ini dirasakan ilmu yang sempurna, dan banyak perkara yang belum dirungkai serta indah. Sifat daripada bentuk-bentuk inilah yang merangsang akal kepada setiap manusia untuk terus mengkaji ilmu berkaitan bentuk geometri.




Oleh yang demikian jelaslah bahawa bentuk dan warna dapat menjadi satu terapi kepada masalah psikologi yang kini semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat bukan sahaja di negara Malaysia pada di seluruh dunia.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

### 5.3 CADANGAN

Setelah menjalankan kajian ini, pengkaji berpendapat dan ingin memberi cadangan agar kegiatan seni di negara ini dipergiatkan dan dipupuk dari sejak kecil lagi kepada pelajar dan anak-anak kecil. Perkara ini sangatlah penting supaya ilmu dalam bidang seni ini tidak dipandang rendah dan akan sentiasa bermanfaat terhadap pandangan masyarakat kita.

Seni adalah sangat penting dalam kehidupan kita. Hal ini demikian kerana, dengan adanya seni dalam kehidupan kita, kehidupan akan menjadi lebih indah dan ceria. Hasil kesenian dapat memberi manfaat kepada manusia. Selain itu, seni juga dapat menjadi sumber pendapatan dan sebagainya.

Seterusnya, yang melibatkan kajian ini, seni mampu menjadi satu terapi terhadap masalah psikologi yang kini kian berleluasa dalam kalangan masyarakat pada masa ini. Jelaslah bahawa seni dalam kehidupan manusia amatlah diperlukan dan sangat penting kepada kita semua.

Oleh yang demikian sebagai, pengkaji amatlah berharap agar kepentingan seni dalam kehidupan kita ini dijaga dan sentiasa dipelihara agar kesenian ini dapat dipupuk sampai bila-bila dan tidak ditelan zaman. Hal ini demikian kerana sudah terbukti betapa pentingnya seni dalam kehidupan manusia.

### 5.6 PENUTUP

Penyelidikan ini adalah dijalankan adalah sebagai cara untuk menangani masalah psikologi yang kian menjadi masalah yang agak serius kepada masyarakat di negara kita

ini. Oleh yang demikian pengkaji terpenggil untuk mengkaji mengenai kaedah atau terapi kepada masalah tersebut. Pengkaji telah memilih kajian warna dan bentuk sebagai subjek untuk dijadikan terapi kerana ianya berkait rapat dengan bidang yang diceburi oleh pengkaji.

Hasil daripada kajian ini telah membuktikan bahawa kajian warna dan bentuk dalam psikologi manusia dari aspek terapi seni dapat diguna pakai. Warna dan bentuk sangat sesuai untuk digunakan sebagai terapi kepada isu yang dibincangkan dalam kajian ini. Hasil daripada maklumat yang diperolehi dari sumber bacaan dan soal selidik pengkaji mendapati bahawa ianya mendapat sokongan berkaitan isu dan kajian ini.

Mengikut kajian, warna dan bentuk dapat menzahirkan psikologi manusia mengikut identitinya yang tersendiri. Oleh yang demikian, pengkaji yakin dengan kajian yang dijalankan. Selain itu dengan hasil kajian pengkaji juga yakin dan mengambil peluang untuk menghasilkan karya berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan.

Pengkaji menghasilkan satu karya berkaitan dengan kajian. Karya yang dihasilkan merupakan satu karya catan. Karya yang dihasilkan adalah karya abstrak expressionis yang menggunakan warna yang telah dipilih. Karya dihasilkan selepas kajian dijalankan. Saiz karya yang dihasilkan adalah 40cm x 60cm.

## RUJUKAN

Abdul Rahman, Nadwah laman sesawang “ Kajian Kesan Warna Terdapat Pandangan

Manusia dicapai 2011 <http://umkeprints.umk.edu.my/9899/>

Abu Ahmadi Psikologi Umum (2019)

<http://www.litbang.kemkes.go.id:8080/handle/123456789/63933>

Aliyuna Pratisti, Lukisan Mark Rothko: Abstraksi Mitomorfosis (24 Mac 2019)

<https://antimateri.com/lukisan-mark-rothko/>

Azizi Yahaya, Wan Noraini Wan Razab, Konsep dan Sejarah Perkembangan Psikologi

Januari 2010

[https://www.researchgate.net/publication/46405351\\_Konsep\\_dan\\_Sejarah\\_Perkembangan\\_Psikologi](https://www.researchgate.net/publication/46405351_Konsep_dan_Sejarah_Perkembangan_Psikologi)

Azwita Usman, kajian kuantitatif, kualitatif dan gabungan,(3 Ogos 2020)

<http://deitaz.blogspot.com/2010/08/kajian-kualitatif-kuantitatif-dan.html>

Endy Nahya Ardini & Titihan Sarihati 2017. Pengaruh Warna pada elemen interior ruang

tunggu rumah sakit ibu dan anak terhadap psikologis pengunjung

<https://journals.telkomuniversity.ac.id/idealog/article/view/1235>

Fariz Sakina Kementerian Kesihatan Malaysia, warna dan Psikologi, (2 Julai 2018)

<http://www.myhealth.gov.my/warna-dan-psikologi/>

Fazal, Psikologi warna: adakah ia mempengaruhi bagaimana anda merasakan?

<https://may.psychic-parapsychologist.com/color-psychology-does-it-affect-how-you-feel-43880>

Greelane, apa yang membuat Ekspresionisme Abstrak (9 Julai 2019)

<https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/abstract-expressionism-art-history-183313/>

Hadiff Fatahiya (2017) Pendekatan Seni sebagai suatu konteks terapi, Ijazah Sarjana

Muda Seni Gunaan dengan Keputusannya (unpublished)

[https://ir.unimas.my/id/eprint/20626/1/Pendekatan%20seni%20sebagai%20suatu%20konteks%20terapi%20\(24%20pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/20626/1/Pendekatan%20seni%20sebagai%20suatu%20konteks%20terapi%20(24%20pgs).pdf)

Hasan Mustafa (2012), Perilaku Manusia Dalam Perspektif Psikologi Sosial, Jurusan Ilmu Sosial Administrasi Bisnis, Falkutas Ilmu social dan ilmu politik, Universiti Katolik Parahyangan file:///C:/Users/user/Downloads/410-813-1-SM%20(4).pdf

Juliana Dumpil, Kundayis Labeh Art therapy bagi meneroka tingkah laku efeminet (2015)  
<http://ipkent.edu.my/document/pskent/pskent18/jurnal/152015/2.pdf>

Karya Abstrak Ekspresionisme di Galeri Seni Petronas (2020 Mac 6) Berita Harian  
<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20200306/281809990948287>

Monica Andreas Fasilitas terapi seni untuk depresi di Surabaya 1 November 2020  
<http://publication.petra.ac.id/index.php/teknik-arsitektur/article/view/10768>

Mr Panadol, Pengenalan kepada psikologi manusia April 2018  
[https://www.researchgate.net/publication/324471936\\_PENGENALAN KEPADA\\_PSIKOLOGI\\_MANUSIA](https://www.researchgate.net/publication/324471936_PENGENALAN KEPADA_PSIKOLOGI_MANUSIA)

Ndre, Psikologi warna (24 November 2014)  
<https://www.scribd.com/doc/248018035/psikologi-warna-pdf>

Nuffnang, Definisi terapi, terapi seni . Mei 2014  
<http://mieneaststar.blogspot.com/2014/05/definisi-terapi-terapi-seni-terapi.html>

The editor of Encyclopedia Britannica Abstract Expressionism  
<https://www.britannica.com/art/Abstract-Expressionism>